

03 AUG 2002

LID-Mahathir (Cakap kosong)/I

DIALOG PERKONGSIAN PINTAR BUKAN SEKADAR CAKAP KOSONG, KATA PM

LANGKAWI, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menolak tanggapan bahawa dialog perkongsian pintar sekadar "cakap kosong", hari ini berkata ia merupakan forum yang memberi peluang kepada peserta berinteraksi secara bermakna antara satu sama lain.

"Saya yakin kita bukan hanya cakap kosong," kata Perdana Menteri pada akhir Dialog Antarabangsa Langkawi Global 2002 (Global 2002) di sini.

Global 2002 yang berakhir hari ini menyaksikan pembabitkan 18 ketua negara/kerajaan dan lebih 400 peserta daripada 36 negara.

"Kita pelajari daripada laporan yang ada dan apabila balik, kita akan cuba melaksanakan, bukan semua, tetapi sebahagian daripada idea yang dihasilkan dalam forum ini," katanya.

Dr Mahathir yang juga penaung Global 2002, berkata peserta dialog "dipaksa" memulakan mesyuarat seawal pukul 7.30 pagi yang beliau sendiri tidak biasa.

Sambil berjenaka, Dr Mahathir berkata: "Kamu (pasti) telah mendengar pengerah hamba bernama (Datuk) Dr Mihaela (Y. Smith - ketua eksekutif Perkongsian Komanwel bagi Teknologi Tinggi - CPTM) yang memulakan kerja pada pukul 7.30. Kami memang bekerja dan bukan hanya bercakap."

Dr Mahathir berkata beliau berharap para pemimpin yang menghadiri dialog itu tidak menyesal menghadiri sesi berkenaan kerana banyak idea dan cadangan dikemukakan yang mungkin mengelirukan mereka.

"Kami menerima banyak maklum balas yang mungkin menyebabkan kami tidak dapat "menelannya". Saya berpendapat dan berharap kami dapat meneruskan kelangsungan hidup hingga mesyuarat akan datang di selatan Afrika (Swaziland)," katanya.

Dr Mahathir berkata minat dalam dialog perkongsian pintar semakin mendapat sambutan berikutan bertambahnya bilangan penyertaan negara yang menyertai sesi itu.

Bermula dengan negara anggota Komanwel, dialog itu kini dikembangkan di luar daripada perkumpulan tersebut.

Global 2002 tahun ini menyaksikan penyertaan kali pertama Perdana Menteri Mauritius, Sir Aneerood Jugnauth, Presiden Ghana, John A Kufuor, Presiden Kyrgyz Askar Akaev dan Presiden Rwanda Paul Kagame.

Dr Mahathir juga berkata kehadiran para pemimpin terbabit pada dialog kali ini lebih bermakna berbanding pada Forum Ekonomi Dunia Davos kerana mereka dapat mengambil bahagian daripada sekadar menjadi penonton.

Mengenai isu-isu yang akan dibincangkan pada perkongsian pintar tahun depan di Swaziland, Perdana Menteri berkata tajuk lama mungkin akan dibincangkan semula serta lebih banyak isu semasa yang boleh dibangkitkan oleh peserta.

"Ada cadangan mengenai perlunya menangani ketidakseimbangan global dan ketidaktentuan menerusi promosi kerjasama dan ketidakseimbangan pembangunan antara negara kaya dan miskin berasaskan prinsip perkongsian pintar," katanya.

Perdana Menteri berkata mesyuarat di Swaziland juga akan membincangkan toleransi budaya dan perlunya menyokong perkongsian baru di Afrika, katanya.

-- BERNAMA

MAD SHY LAT